

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA) SET 1

Markah

100

KERTAS 1

Masa: 1 jam 30 minit

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A [15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Maria terlewat pulang ke asrama _____ kereta yang dipandu oleh ayahnya mengalami kerosakan.

A dan C kerana
B atau D bahkan

Morfologi – Kata Tugas | Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosa Kata | Aras: R

- 2 _____ milik nelayan yang terdapat di muara sungai itu terolang-alang kerana dipukul ombak.

A Feri-feri
B Rakit-rakit
C Kapal-kapal
D Sampan-sampan

Morfologi – Kata Ganda | Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosa Kata | Aras: R

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Hari mendung *alamat* hari akan hujan.
II Zubir memberikan *alamat* rumah baharunya kepada saya.
III Aiman sekeluarga *alamat* di Kampung Damai sejak beberapa tahun yang lalu.
IV Menara Condong menjadi *alamat* bandar Teluk Intan, Perak.

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Morfologi – Kata Nama Am | Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosa Kata | Aras: R

- 4 I Mekanik itu *mengenaikan* skru yang betul pada motosikal kepunyaan ayah saya.
II Anak panah itu tidak *mengenaikan* sasaran.
III Peniaga itu *mengenaikan* bayaran yang berpatutan kepada setiap pelanggannya.
IV Kerajaan telah *mengenaikan* cukai bagi semua jenis kenderaan yang diimport.

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Morfologi – Kata Kerja | Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosa Kata | Aras: R

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Pertahanan negara perlu diperkuat agar masyarakat hidup dalam keadaan sejahtera.

A masih diperkuat agar
B perlu diperkuatkan supaya
C akan perlu diperkuat agar
D perlu diperkuat agar

Sintaksis – Pelbagai Frasa | Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa | Aras: R

- 6 Buah betik yang masih muda itu teramat sedap sekali dibuat sayur rebus.

A amat sedap
B amat-amat sedap
C sedap amat sekali
D teramat sedap sekali

Sintaksis – Pelbagai Frasa | Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa | Aras: S

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Para-para pembeli mengalami kerugian akibat kegagalan pemaaju.
II Murid itu sedang membincangkan tentang masalah gejala sosial.
III Emak membeli sesisir pisang untuk dibuat pisang goreng.
IV Biskut itu lemau kerana penutup balang itu tidak ditutup dengan rapat.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Sintaksis - Pilihan Frasa | Pengetahuan Sistem Bahasa - Tatabahasa | Aras: B

- 8 I Badrul suka mengulang kaji pelajaran hingga lewat malam.
II Ibu tunggal itu bekerja keras untuk menyara kedua-dua orang anaknya.
III Amboi, comelnya bayi itu!
IV Setengah orang tidak suka makan ikan kerana baunya hanyir.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Sintaksis - Pilihan Frasa | Pengetahuan Sistem Bahasa - Tatabahasa | Aras: R

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 “Bantuan awal persekolahan akan diberikan kepada murid pada minggu depan,” kata Liza kepada Zaini.

- A Minggu depan merupakan hari penyerahan bantuan persekolahan oleh Liza kepada Zaini.
B Liza menegaskan bahawa semua murid akan mendapat bantuan persekolahan termasuk Zaini.
C Zaini bertanya kepada Liza tarikh bantuan awal persekolahan akan diberikan kepada murid.
D Liza memberitahu Zaini bahawa bantuan awal persekolahan akan diberikan kepada murid pada minggu depan.

Sintaksis - Struktur Ayat | Pengetahuan Sistem Bahasa - Tatabahasa | Aras: S

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10

Orang yang baik akan meninggalkan nama yang baik setelah meninggal dunia.

Peribahasa yang bertepatan dengan maksud pernyataan di atas ialah

- A ular menyusur akar takkan hilang bisanya
B di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
C ikut resmi padi, makin berisi makin menunduk
D harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama

Peribahasa | Pengetahuan Sistem Bahasa - Peribahasa | Aras: R